

ISU KONTRAK SOSIAL:

Laporan Reid 1957 vs Laporan Jawatankuasa Kerja Perlembagaan 1946

The Reid Commission Report 1957 merupakan sebuah dokumen yang dijadikan rujukan utama untuk menggubal Perlembagaan Persekutuan tahun 1957.

Terkandung pada dokumen ini pelbagai pandangan daripada pelbagai pihak yang berkepentingan, kemudian dibahas dan diluluskan oleh Parlimen British, seterusnya diperkenankan oleh Majlis Raja-Raja Melayu yang mewakili kesultanan-kesultanan Tanah Melayu yang berdaulat, serta Baginda Queen yang mewakili tanah jajahan British di Pulau Pinang dan Melaka, sekaligus otoriti yang diatas namakan pada triti-triti yang wujud diantara kuasa British dan kesultanan-kesultanan Tanah Melayu.

Antara pihak yang terlibat dalam memberikan pandangan dalam Reid Commission adalah Pejabat Tanah Jajahan British di London, Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu, Tuanku Abdul Rahman selaku Ketua Menteri Kerajaan Persekutuan, serta pemimpin parti-parti politik utama waktu itu, pelbagai pertubuhan dan persatuan, tokoh-tokoh korporat dan sebagainya.

Apabila berbincang atau membahaskan isu-isu terkait Reid Commission Report 1957, satu kesilapan ketara yang dilakukan oleh ramai pihak, adalah dengan memulakan naratif penggubalan Perlembagaan Persekutuan 1957 pada peristiwa bersejarah London Constitutional Conference pada 18 Januari-6 Februari 1956. Sidang Meja Bulat yang berlangsung selama 3 minggu ini merundingkan beberapa perkara berkaitan kemerdekaan Tanah Melayu, hal ehwal kewangan, pentadbiran, keselamatan dalam negeri, hal ehwal luar negara serta penubuhan Jawatankuasa Bebas Kemerdekaan bagi mengkaji semula perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948, terutama tentang jaminan kedudukan istimewa Raja-Raja Melayu yang perlu dikekalkan.

Apabila naratif penggubalan Perlembagaan Persekutuan 1957 dimulakan pada Sidang Meja Bulat 1956 di London ini, ianya seolah-olah memberi isyarat, bahawa posisi Tanah Melayu waktu itu berada dalam kedudukan 'tabula rasa', iaitu bermula daripada sifar@ vakum, selepas usaha British mewujudkan Malayan Union digagalkan setelah ditentang habis-habisan oleh semua orang Melayu daripada pelbagai lapisan masyarakat.

Memulakan naratif daripada London Constitutional Conference 1956 dijadikan hujah yang kuat untuk mengabsahkan kononnya wujud Kontrak Sosial, kerana wujud persepsi bahawa Sidang Meja Bulat tersebut merupakan mercu tanda bermulanya proses penggubalan Perlembagaan Malaysia daripada punca kuasa 'kedaulatan rakyat', yang mana seolah-olah semua pihak yang duduk dalam persidangan tersebut adalah pemegang taruh atau 'stakeholder' yang mempunyai nilai taruhan yang sama, pada martabat yang sama, yang akhirnya membawa kepada 'persetujuan bersama' kepada peruntukan-peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan 1957 dan Perlembagaan Malaysia 1963.

Dimana duduknya posisi Raja-Raja Melayu dalam proses penggubalan Perlembagaan Persekutuan 1957 tersebut, yang hakikatnya tetap merupakan pemerintah kesultanan-

kesultanan yang berdaulat hatta semasa era campurtangan British di Tanah Melayu? Adakah nilai taruhan baginda sekalian sebagai 'stakeholder' yang 'teraula' sama dengan pihak-pihak lain yang terlibat dalam rundingan Meja Bulat tersebut, serta sama martabat dengan input-input yang dikumpulkan dalam Laporan Suruhanjaya Reid 1957?

Hakikatnya, Persidangan Meja Bulat 1956 di London, bukan bermula dari suatu kedudukan yang vakum sebelumnya, yang mana posisi Raja-Raja Melayu dianggap semartabat dengan pihak-pihak lain yang terlibat, vis a vis 'Kontrak Sosial'. **Ianya merupakan proses lanjutan daripada perkembangan serta pindaan-pindaan daripada Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu yang dimeterai dalam tahun 1948.**

Bermakna, untuk memahami intisari, ruh dan semangat sebenar kepada Perlembagaan Persekutuan 1957, seterusnya Perlembagaan Malaysia 1963, perlu memulakan penelitian sejarah proses penggubalan perlembagaan daripada peristiwa dan tarikh yang lebih awal, iaitu penubuhan Jawatankuasa Kerja Penggubalan Perlembagaan pada Julai 1946, dengan matlamat mengkaji bentuk pentadbiran baru kesultanan-kesultanan Tanah Melayu bagi menggantikan Malayan Union. Dan penelitian perlu dibuat daripada aspek jurispuden.

Ahli Jawatankuasa Kerja Penggubalan Perlembagaan adalah wakil British, wakil Raja Melayu dan wakil UMNO. TIDAK ADA WAKIL ORANG LUAR.

Perkara paling penting yang disempurnakan dan disepakati dalam Laporan Jawatankuasa Kerja Perlembagaan (Constitutional Working Committee Report) bertarikh 18 November 1946 adalah seperti berikut:

“ Sovereign in each of the Malay States shall rest heretofore in His Highness the Ruler of that state according to Malay customs”(C. O 537/1530, No 50823 Part III)

(Terjemahan: Kedaulatan hendaklah ditakrifkan menurut adat Melayu @, undang-undang dan pemikiran watan).

INI KUNCINYA. Mengapa?

Kerana sebuah negara memerlukan ciri kedaulatan dan pemerintahan, manakala entiti yang memegang kedaulatan memegang kuasa tertinggi dalam negara dan lazim ditaati. Konsep serta ciri kedaulatan ini membina prinsip-prinsip politik dan undang-undang pada peringkat tertinggi yg disuratcarakan dalam perlembagaan negara tersebut.

Dalam konteks ini, Laporan Jawatankuasa Kerja Perlembagaan 1946 secara tuntas telah menyelesaikan isu konsep dan ciri kedaulatan Raja-Raja Melayu sebagai punca kuasa paling tinggi dalam wilayah kesultanan masing-masing, dengan MENGIKAT RAJA-RAJA MELAYU KEPADA POSISI MEREKA PADA TAHUN 1941 (pra pendudukan Jepun).

Asas inilah kemudian tersisip dan terpadu (embedded) dalam Perjanjian Negeri 1948, yang menjadi rujukan jurispuden dan perundangan tertinggi, dengan

matlamat penubuhan Persekutuan Tanah Melayu yang dipersetujui oleh sembilan buah kerajaan Tanah Melayu yang diperintah oleh Raja-Raja Melayu yang berdaulat.

Manakala Perjanjian Negeri 1948 merupakan BATU ASAS kepada penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948 dan proses tawar-menawar selanjutnya sehingga kepada peristiwa London Constitutional Conference pada 18 Januari-6 Februari 1956.

Ringkasnya, melalui kuatkuasa kedaulatan Raja-Raja Melayu seperti yang dimiliki pada 1 Disember 1941, iaitu tarikh sebelum pendudukan Jepun yang diterapkan dalam Perjanjian Negeri 1948, ianya menjadi punca kuasa tertinggi yang mengabsahkan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948, seterusnya pindaan-pindaan yang dibuat sehingga lahir Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957.

(Rujuk semua perjanjian negeri 1948 terkait ciri kedaulatan Raja-Raja Melayu, yang kemudian dimasukkan dalam Laporan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1956-1957: Nota 26 sepertimana berikut : *“The state agreements provided that the prerogatives, powers and jurisdiction of the Rulers would be those which they possessed on the first day of December 1941, subject to the provisions of the Federation Agreement and the States Agreement”*)

Malahan, Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 juga mengiktiraf perlembagaan setiap negeri sebelum tahun 1948. Rujuk Klausula 155 Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948: *“ save as expressed herein, this Agreement shall not affect the sovereign and jurisdiction of Their Highnesses the Rulers in their several states”* (The Federation of Malaya Order in Council, 1948, Gazzete Notification No 6, Febr 5, 1948, No I, Vol 1)

Kontrak Sosial, Kedaulatan Rakyat vs Kedaulatan raja-Raja Melayu

Reid Commission 1956-57 bukanlah proses paling awal penggubalan Perlembagaan Malaysia, proses ini telahpun bermula 10 tahun lebih awal, iaitu dalam tahun 1946 iaitu setelah pembentukan Malayan Union digagalkan oleh orang-orang Melayu dengan jayanya. **Sebelum Reid Commision, isu kedaulatan Raja-Raja Melayu sebagai punca kuasa tertinggi yang memerintah sembilan buah kesultanan Melayu yang berdaulat dengan perlembagaan negeri masing-masing, telah pun diselesaikan, ‘encoded dan embedded’ dalam Perlembagaan Persekutuan 1948.**

Maka adalah tidak benar untuk mengatakan Perlembagaan Malaysia adalah bersumber daripada Kontrak Sosial, kerana konsep kontrak sosial adalah berakar umbi daripada falsafah Barat. Menurut Jean-Jacques Rousseau dalam bukunya *The Social Contract*, kedaulatan terletak pada rakyat dan melalui kehendak rakyat. Kehendak rakyat dikatakan sebagai kontrak sosial kerana atas prinsip inilah sebuah kerajaan dan undang-undangnya didirikan.

Persoalannya, dari manakah punca kuasa tertinggi yang menjadi sumber kedaulatan yang mengabsahkan Perlembagaan Persekutuan 1957, daripada kedaulatan rakyat atas asas kontrak sosial, atau pun bersumber daripada kedaulatan Raja-Raja Melayu? Apakah benar tanggapan umum bahawa wujud kontrak sosial dalam Perlembagaan Persekutuan 1957 yang diinstitusikan oleh ‘kedaulatan rakyat’?

Jika naratif penggubalan Perlembagaan Persekutuan 1957 diteliti dan ditetapkan sebagai bermula daripada London Constitutional Conference @ Persidangan Meja Bulat London 1956, maka akan wujud persepsi berlakunya kontrak sosial yang hakikatnya adalah falsafah Barat berteraskan kedaulatan rakyat, yang mana semua pihak yang terlibat mempunyai pegangan taruhan atau 'stakeholder' yang sama kuat.

Walhal, naratifnya wajib dimulakan pada tahun 1946, iaitu pembentukan Jawatankuasa Kerja Penggubalan Perlembagaan yang membawa kepada Perjanjian Negeri 1948 yang mengabsahkan Perjanjian Persekutuan 1948, seterusnya Perlembagaan Persekutuan 1957 dan Perlembagaan Malaysia 1963, maka akan jelas dan tuntas bahawa punca kuasa Perlembagaan Malaysia adalah daripada kedaulatan Raja-Raja Melayu, dan bukan berasaskan kedaulatan rakyat daripada tanggapan berlakunya kontrak sosial.

Apakah natijah penting daripada naratif ini?

Maka kita akan dapati bahawa kedaulatan Raja-Raja Melayu yang wujud pada tahun 1941, yang disebut sebagai mengikut adat Melayu, adalah berunsur WATANIAH. Pengkajian lebih cermat dan teliti akan menyingkap hakikat bahawa perkembangan perlembagaan semenjak era kesultanan Melayu Melaka bercirikan prinsip wataniah telah terus dilestarikan dalam Laporan Jawatankuasa Kerja Perlembagaan 1946, dan diterjemahkan dalam Perjanjian Negeri 1948 sebagai batu asas Perlembagaan Persekutuan pada hari ini. Dan unsur wataniah yang paling teratas dan tertinggi dalam sejarah peradaban kesultanan-kesultanan Tanah Melayu, adalah ISLAM & MELAYU, tidak terpisah diantara keduanya.

Kedaulatan Raja Melayu yang diikat pada ciri wataniah pula, merujuk pada konsep kedaulatan berteraskan faham kontinum, iaitu Raja-Raja Melayu sebagai pemegang AMANAH pemilik kedaulatan yang hakiki, iaitu Allah swt, dalam posisi sebagai para khalifahNya. Hal ini jelas jika ditelusuri sejarah ketamadunan dan peradaban kesultanan-kesultanan Melayu selama beratus-ratus tahun, dengan kuatkuasa perundangan Islam dan adat budaya bersendi kitabullah.

Bermakna, dengan mengubah naratif kepada yang lebih tepat, ianya mampu memberikan natijah yang lebih menguntungkan perjuangan melestarikan kembali hakikat keluhuran perlembagaan tanah air kita.

Insya Allah kita akan menghuraikan hal ini dengan lebih lanjut pada masa akan datang.

Disusun oleh:

Tun Suzana@ Suzana Hj Othman

Sumber rujukan:

Datuk Dr Wan Ahmad Fauzi Wan Husain,
'Kedaulatan Raja-Raja Melayu;

Jurispruden, Governan & Prinsip Perlembagaan Persekutuan', 2018